

Aspek integriti PBT perlu diperhebat

Melaka: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata cabaran menghapuskan wabak Covid-19 tidak menghalang usaha memperkasa sektor awam yang merupakan salah satu daripada agenda utama kerajaan untuk memastikan sistem perkhidmatan yang cecap, telus dan mesra rakyat. Menurutnya, tanggungjawab penjawat awam kini adalah untuk membudayakan norma baharu dalam cara kerja supaya perkhidmatan berkenaan tetap dapat disampaikan secara efektif kepada golongan sasar di samping meningkatkan produktiviti kerja.

Katanya, di peringkat ke-

rajaan pula, adalah penting inisiatif untuk menambah baik aspek integriti dan tabir urus kerajaan dilaksanakan, misalnya melalui usaha membanteras amalan rasuah bagi memastikan kecakapan dan ketelusan pengurusan pentadbiran.

"Oleh kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan antara warga kerja barisan hadapan yang sering terdedah dengan tarikan rasuah, maka usaha membanteras jenayah ini perlu kekal sebagai agenda penting yang perlu dilaksanakan meluas dalam kalangan penjawat

PBT.

"Ini agar kita dapat mewujudkan sebuah budaya kerja yang berintegriti tanpa berkompromi dengan mana-mana nilai dan etika," katanya ketika berucap merasmikan secara maya Persidangan Perwakilan Perwakilan Tritahunan Kesatuan



MUHYIDDIN

Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) kali ke-27 di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, semalam.

Muhyiddin dalam video 10 minit itu juga turut menyeru agar PBT dan agensi berkaitan dapat turun pa-dang

dengan lebih kerap untuk meninjau dan memahami keadaan semasa, selain meneliti isu-isu berhubung kaitan mereka yang saban masa bertemu dengan orang ramai, bagi menyelesaikan urusan seharian.

Beliau turut menyambut baik usaha ANULAE yang bergabung dengan Cuepacs untuk bersama-sama menangani masalah dalam kalangan ahli kesatuan, khususnya penjawat awam demi menjaga kebajikan mereka.

"Persidangan perwakilan ini adalah peluang buat se-

mua warga ANULAE untuk berbincang dan menyuarakan pandangan mengenai isu berkaitan kebajikan ahli. Saya berharap agar kita semua dapat bersama-sama berganding bahu untuk memastikan hak dan kebajikan setiap kakitangan awam dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya.

"Saya juga berharap agar kesatuan ini akan terus memainkan peranan sebagai 'mata dan telinga' dalam komuniti setempat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri termasuk PBT," katanya.